

**NO. SOALAN: 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN  
DATU MANSUR [ SILAM ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7712**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah yang melibatkan pemerdagangan manusia *Human Trafficking* dari tahun 2011 hingga 2014. Memandangkan isu ini melibatkan jenayah rentas sempadan apakah kerjasama dan sepakatan yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa dalam memastikan Negara seperti Malaysia tidak lagi menjadi destinasi transit terhadap isu pemerdagangan manusia.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008 di mana sejak dari tempoh tersebut sehingga 28 Februari 2015, seramai 1276 tangkapan melibatkan 919 kes pemerdagangan orang telah berjaya dibuat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 627 kes pemerdagangan orang telah dituduh di bawah Akta ini.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Malaysia adalah lebih merupakan sebuah negara destinasi berbanding transit bagi jenayah pemerdagangan orang. Ini adalah kerana faktor geografi Negara yang strategik serta kepesatan perkembangan ekonomi telah menarik minat ramai migran di sekitar rantau ini untuk berhijrah ke Malaysia kerana mencari peluang pekerjaan serta kehidupan yang lebih baik. Cabaran kepada Malaysia adalah kerana golongan migran ini ada yang masuk secara sah dan ada yang merupakan dari kalangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di mana dikalangan mereka ini berpotensi untuk dieksploitasi yang menjurus kepada jenayah pemerdagangan orang.**

**Jenayah pemerdagangan orang adalah merupakan satu bentuk jenayah rentas sempadan di mana dalam menangani jenayah ini secara efektif dan bersepadu maka kerjasama strategik perlu**

**dilaksanakan dengan rakan-rakan negara luar. Ini juga merupakan salah satu daripada bidang program yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Jenayah Pernerdagangan Orang bagi tempoh 2010 – 2015.**

**Dalam hubungan ini, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Jenayah Terancang (UNTOC) pada 26 September 2002 dan meratifikasinya pada 24 September 2004. Malaysia seterusnya telah menyertai Protokol PBB mengenai Pernerdagangan Orang (TIP Protocol) di bawah UNTOC pada 26 Februari 2009.**

**Baru-baru ini, Malaysia telah menerima kunjungan Pelapor Khas PBB mengenai Pernerdagangan Orang terutamanya wanita dan kanak-kanak ke Negara ini pada 23 hingga 28 Februari 2015. Lawatan ini adalah bagi membolehkan beliau melihat akan cabaran dan keadaan sebenarnya mengenai jenayah pernerdagangan orang di Malaysia. Beliau telah mengemukakan cadangan kepada Negara bagi mengambil langkah untuk memperbaiki inisiatif di dalam menangani jenayah ini secara efektif.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Dari aspek bilateral pula, Malaysia telah menandatangani Perjanjian/ Memorandum Persefahaman mengenai Keselamatan/ Membanteras Jenayah Rentas Sempadan mulai tahun 2011 dengan rakan-rakan negara strategik seperti Arab Saudi, United Kingdom, Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Republik Rakyat Bangladesh, Kanada dan Australia. Perjanjian/ Memorandum**

**Persefahaman ini menggariskan bidang kerjasama yang dipersetujui oleh Negara dengan rakan-rakan negara strategik yang turut merangkumi aspek jenayah pemerdagangan orang.**

**Selain daripada itu, Malaysia juga telah menjalin kerjasama dengan Pertubuhan Antarabangsa antaranya adalah Pertubuhan Antarabangsa mengenai Migrasi (IOM), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Jawatankuasa Antarabangsa mengenai Palang Merah (ICRC) dan Pejabat PBB mengenai Pelarian (UNHCR) terutamanya dalam aspek mempertingkatkan bina upaya, latihan serta kepakaran.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Di peringkat serantau pula, ASEAN sedang di dalam proses untuk menggubal dua (2) dokumen mengenai pemerdagangan orang terutamanya wanita dan kanak-kanak iaitu Konvensyen dan Pelan Tindakan Serantau. Konvensyen ini kelak adalah mengikat dari segi perundangan dan justeru itu, adalah penting untuk Negara memastikan bahawa perundangan sedia ada adalah selaras dengan Konvensyen tersebut.**